



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur

Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.

(21) KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 35
29 Julai 2009

Pengarang
Utusan Malaysia

Tuan/Puan,

Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 7 Julai 2009
Muka surat : 26
**Tajuk : Menyakitkan mata dan hati : Penduduk rasa
tersiksa berlaku jenayah juga tinggi**

Saya ingin merujuk kepada surat pembaca akhbar Utusan Malaysia bertajuk “**Menyakitkan mata dan hati : Penduduk rasa tersiksa berlaku jenayah juga tinggi**”, Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Penduduk Taman Rowther (PPTR) atas aduan yang dikemukakan.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah mengambil maklum mengenai aduan tersebut. JPN mendapati bahawa aduan ini melibatkan Projek Perumahan Rumah Berkembar Tiga (3) Tingkat dalam kategori projek perumahan mewah dengan harga RM330,000.00. Projek ini telah dimajukan oleh Pemaju merangkap Kontraktor iaitu 'Kontraktor Tiger Energy' (KTE), yang gagal menyiapkan projek tersebut disebabkan masalah kewangan.

Oleh hal yang demikian, JPN telah mengeluarkan satu surat untuk memaklumkan kepada pengadu iaitu Purchaser Pro-Tem Committee (PPTC) yang mewakili Pembeli Projek PRBTT bahawa pembangunan 48 buah rumah PRBTT adalah tidak mempunyai permit iklan dan jualan sah daripada pihak Pengawal Perumahan. Pihak JPN kini sedang dalam proses mengambil untuk tindakan penguatkuasaan terhadap Pemaju berkaitan dengan isu nyamuk dan ular berbisa yang dibangkitkan akan dipanjangkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tindakan selanjutnya.

Jessylina Mat Lazim
Ketua Komunikasi Korporat
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.